

Mangsa banjir empat negeri cecah 3,684 orang



KUALA LUMPUR 6 Nov. - Banjir akibat hujan berterusan di Johor, Melaka, Perak dan Selangor sejak seminggu lalu menyebabkan jumlah mangsa yang dipindahkan ke pusat pemindahan banjir mencecah 3,684 orang.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Heng Seai Kie (**gambar**) berkata, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

membuka pusat pemindahan di kawasan berkenaan untuk menempatkan mangsa banjir.

"Jumlah pusat pemindahan yang dibuka ialah 45 buah, di mana 22 buah terletak di Johor, lapan di Melaka, lima di Perak dan 10 di Selangor," katanya kepada pemberita selepas pelancaran pakej kebajikan ASTRO di Pusat Aktiviti Warga Emas Cheras Baru, di sini hari ini.

Menurutnya, setakat ini, seramai 1,158 keluarga didaftarkan di pusat pemindahan.

"JKM membekalkan segala peralatan seharian seperti makanan, selimut, tikar serta bencana kit untuk mangsa bencana di pusat pemindahan ini," katanya.

Katanya, enam pusat pemindahan ditutup setelah banjir beransur pulih di

Johor, Melaka dan Perak.

Seai Kie berkata, tiada kecederaan atau kemalangan jiwa dilaporkan setakat ini.

Beliau berkata, JKJ turut menyediakan pengangkutan untuk membawa pelajar yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia ke pusat peperiksaan di kawasan terjejas akibat banjir. - BERNAMA